KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN APRESIASI KKDW BAGI TAHUN 2023

HOTEL MARRIOT PUTRAJAYA

21 MEI 2024 | KETIBAAN YABM: 2.25 PETANG

Terima Kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani

YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang
Timbalan Menteri Kemajuan Desa & Wilayah

YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah

YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),
Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah

YBrs. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan),
Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah

YBrs. Encik Mohd Kamal bin Husin
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan), Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Ketua - Ketua Agensi serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian
Yang Diraikan Para Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 dan Pegawai yang telah dan akan bersara

Seterusnya Keluarga KKDW yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya, kita berkumpul untuk meraikan warga KKDW dalam sebuah Majlis yang punyai keistimewaannya yang tersendiri - **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Apresiasi Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) bagi Tahun 2023.**

2. Kenapa istimiewa? Kerana penganugerahan APC ini adalah platform untuk kita meraikan dan memberikan penghargaan kepada warga kerja terpilih yang telah menunjukkan prestasi kerja dan pencapaian yang amat membanggakan sepanjang tahun 2023.

3. APC bukan lah majlis biasa-biasa, ia adalah pendorong dan pembakar semangat untuk sesiapa sahaja warga Kerajaan khususnya di KKDW ini terus meningkatkan kecemerlangan pada masa hadapan.

4. Tambahan itu, majlis ini bertambah istimewa apabila ia turut diadakan bagi menghargai para pesara dan bakal pesara sebagai tanda penghargaan yang tidak terhingga di atas segala khidmat bakti serta pengorbanan yang telah dicurahkan.

5. Jadi sebagai Menteri yang menerajui Kementerian ini, saya ingin ucapkan jutaan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kesemua **88 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKDW** bagi tahun 2023.

6. Tidak dilupakan, suka juga untuk saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **12 orang** pegawai **yang akan dan telah bersara** pada tahun 2023 dan 2024, dari Kementerian dan Agensi

PERKHIDMATAN CEMERLANG ORGANISASI TERBILANG

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Bila saya melihat tema, **'Perkhidmatan Cemerlang Organisasi Dijulang'** – saya melihat ia adalah satu tema yang bertepatan untuk menunjukkan rasa kekitaan, perasaan kepunyaan atau dalam Bahasa Inggerisnya, *self-of-belonging* terhadap organisasi yang sama-sama kita dukungi ini.

8. **Dengan 'rasa memiliki' barulah kita dapat merasai kepuasan dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan** sekaligus dapat memantapkan lagi kualiti kerja dan seterusnya membentuk sebuah organisasi yang lebih cemerlang.

9. Tapi ingin saya ingatkan, APC ini bukanlah garisan penamat setelah kita mencapai kecemerlangan yang tertinggi. Maksudnya jangan ada rasa *"saya dah dapat APC tahun ini, tahun depan saya boleh relax sikit lepas ini"*

10. Masih banyak yang boleh disumbangkan, idea bernas yang boleh dikupas dan khidmat bakti yang perlu dicurahkan dalam menuju kecemerlangan perkhidmatan awam untuk memacu pembangunan negara. **Sifat inginkan kecemerlangan perlu hadir dalam diri dan jiwa setiap individu.** Jadikan penganugerahan ini

sebagai satu cabaran dan inspirasi semua warga kerja untuk terus mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

11. Sering saya katakan kepada penjawat awam, kita mempunyai tanggungjawab besar memandu negara, dan menyantuni hasrat 34 juta rakyat Malaysia. Di bahu kita lah terbeban tanggungjawab itu. Di tangan kita lah yang akan mencorak masa hadapan negara ini.

12. Jadi Tuan-Puan mesti **sentiasa peka terhadap tuntutan perubahan semasa, melaksanakan tugas dengan rapi, cekap dalam menjalankan tugas dan berkomunikasi secara efisien. Tambahan itu, penjawat awam mestilah menguruskan dana awam secara berjimat dan tidak boros. Seperti yang selalu saya tekankan, *always low cost-high impact.***

13. Jadi kepada pemegang APC sama ada hari ini, sebelum ini atau kehadapan - dalam memberikan khidmat sebagai penjawat awam, kita tidak boleh kekal selesa pada suatu tahap pencapaian. Penjawat awam perlu sentiasa mendengar dan memahami permasalahan rakyat serta proaktif dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin.

14. Hari demi hari, ekspektasi rakyat dan pemegang taruh terhadap perkhidmatan awam adalah semakin tinggi. Keadaan ini memerlukan kita membuat pembaharuan yang berterusan bagi memastikan kita sentiasa kekal relevan dan responsif dalam memenuhi harapan rakyat dan pemegang taruh.

15. Jadi menang atau tidak, APC adalah bonus yang selayaknya diberikan kepada yang cemerlang dalam tugasan, tetapi tanggungjawab kita dalam menjalankan amanah yang diberikan perlu berterusan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Setiap pekerjaan yang dilaksanakan dengan tekun dan bersungguh-sungguh akan menghasilkan kecemerlangan. Selain itu, kita hendaklah menjauhi sikap-sikap negatif dalam menyampaikan setiap tugasan. Ketekunan, komitmen dan kerjasama baik yang diberikan oleh seluruh warga kerja merupakan teras kekuatan kepada penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti kepada rakyat dan pemegang taruh.

17. Di sini suka saya berkongsi sebuah hadith mengenai konsep kecemerlangan dalam Islam. Daripada Saiyidatina Aisyah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

"Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan tekun dan bersungguh-sungguh" (Riwayat al-Tabarani dan al-Baihaqi).

18. Justeru, saya ingin menyeru warga KKDW supaya menghayati dan mengamalkan sifat bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugasan harian agar dapat meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan KKDW dalam menyantuni kumpulan sasar.

19. Sekiranya tiada sifat bersungguh dalam melaksanakan tugas, maka segala dasar, inisiatif atau ikhtiar yang dirancang tidak akan berjaya dan faedahnya tidak dapat dinikmati oleh rakyat. Seterusnya, akan turut memberi impak negatif kepada kecemerlangan Kementerian ini.

MEMPERTINGKAT KUALITI KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Bagi memantapkan lagi ekosistem pekerjaan yang cemerlang, di kesempatan ini, besarlah harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan yang mendapat pengiktirafan perkhidmatan cemerlang pada hari ini, untuk dapat membantu menjadi **mentor** rakan-rakan sepejabat yang lain agar lebih cemerlang di masa akan datang, seterusnya menjadi aset penting kepada Kerajaan.

21. Saya juga ingin menggalakkan lebih banyak program-program latihan dilakukan - yang memberi tumpuan kepada ***character building*** melalui peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan **pengamalan nilai-nilai murni** serta **ciri-ciri peribadi yang positif** termasuk **aspek integriti yang tinggi.**

22. Elemen ini merupakan asas kepada pembentukan modal insan berprestasi tinggi bukan sahaja dari aspek fizikal dan intelektual, malah meliputi juga aspek rohani yang

menjadikan modal insan sebagai aset penting di dalam organisasi di KKDW serta Agensi di bawahnya.

PENGHARGAAN KEPADA PESARA KKDW

Kepada Pesara,

23. Saya juga amat berbesar hati kerana dapat meluangkan masa meraikan **tujuh (7) orang pesara dan lima (5) bakal pesara** KKDW termasuk agensi. Pastinya yang paling istimewa adalah sambutan penghargaan kali ini turut melibatkan Yang Berbahagia Dato' Sri KSU KKDW yang bakal bersara tidak lama lagi.

24. KSU yang saya kenali seorang anak Jerantut yang telah mula berkhidmat sejak tahun 1996 dan hadir menabur bakti di Kementerian sejak Oktober 2021 lagi.

25. Beliau telah berkhidmat di dalam banyak Kementerian seperti KPKT, EPU dan KDN. Pengalaman luas beliau pastinya dirasai kehilangannya dalam mengemudi Kementerian ini yang pada hemah saya, telah dilaksanakan sebaiknya sejak saya menjadi Menteri KKDW.

26. Tenang, tegas dan proaktif. Sifat yang ada pada beliau ini wajar dicontohi oleh semua pimpinan di dalam Kementerian dalam melaksanakan tugasan. Saya percaya, usaha yang telah dilakukan oleh KSU telah meninggalkan legasi dan *set the bar high* untuk penggantinya melakukan yang lebih baik.

27. Terima kasih KSU, dan semua yang akan pergi meninggalkan Kementerian ini. Saya dan semua warga KKDW sangat menghargai bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan dan mendoakan yang terbaik untuk apa jua yang anda akan lakukan di masa hadapan.

28. Saya yakin peluang di luar perkhidmatan awam masih luas untuk diceburi. Saya percaya segala kemahiran dan pengetahuan Dato' Sri KSU, tuan-puan berkhidmat selama lebih 30 tahun ini boleh menjadi panduan dan aset bernilai untuk Kerajaan.

29. Tidak kira sama ada dalam bidang perniagaan dan korporat, bidang-bidang kerja sosial seperti NGO atau badan-badan amal mahupun bidang-bidang lain yang diminati, peluang diluar sana sentiasa terbuka untuk diterokai. Manfaatkan persaraan ini sebaiknya, sama ada berehat secara sihat bersama keluarga, atau

melakukan aktiviti yang boleh memberi nilai tambah kepada masyarakat.

PENUTUP

Hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian,

30. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan tuan-puan yang diraikan hari ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan. Semoga segala kenangan menjadi memori indah yang akan mewarnai kehidupan hadirin semua. *"Retirement is not the end of the road. It is the beginning of the open highway".*

31. Saya berharap saudara dan saudari yang masih berada dalam perkhidmatan awam ini akan terus **mengekalkan budaya dan momentum kecemerlangan bagi memastikan KKDW terus gemilang dan menjadi pemacu perubahan dalam memajukan masyarakat di desa.**

32. Saya menyeru kepada semua Keluarga KKDW untuk **sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan semasa rakyat dan negara**. Kerjasama kukuh,

kesefahaman jitu dan sokongan merentas agensi di bawah KKDW merupakan pemangkin utama kejayaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan cemerlang KKDW kepada masyarakat desa.

33. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKDW bagi Tahun 2023 dan kepada barisan jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar.

Sekian,
Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh